

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang **punca-punca obesiti dalam kalangan remaja** dan **kesannya kepada diri remaja**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Obesiti dapat ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai berat badan yang berlebihan. Dalam erti kata lain, obesiti ialah berat badan yang tidak ideal dengan ketinggian individu. Pada zaman yang semakin pesat dengan revolusi perindustrian ini, semakin banyak remaja yang dibelenggu masalah obesiti. Perkara ini jika dibiarkan berlarutan akan mempengaruhi kemajuan negara kelak. Oleh itu, pelbagai langkah boleh dilaksanakan untuk menangani masalah ini. Ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak memakan makanan yang berkhasiat. Masyarakat juga haruslah melakukan anjakan paradigma berkaitan pemakanan yang sihat supaya dapat membina keluarga yang anggotanya mempunyai badan yang sihat.

Punca obesiti dalam kalangan remaja pada masa ini ialah remaja tidak mempraktikkan amalan pemakanan seimbang. Hal ini akan menjejaskan tahap kesihatan mereka. Selain itu, pada zaman revolusi perindustrian ini, makanan segera yang berkalori dan berlemak tinggi semakin banyak di pasaran. Hal ini mendedahkan remaja kepada risiko berat badan berlebihan. Bagi ibu bapa yang bekerja, mereka kesuntukan masa untuk menyediakan makanan anak lantaran terkejar-kejar ke tempat kerja. Anak-anak dibekalkan dengan makanan segera yang tidak berkhasiat yang menjadi punca kepada masalah ini.

Seterusnya, masalah kegemukan dalam kalangan remaja ialah kurangnya aktiviti bersukan dan beriadah. Kesibukan dalam pembelajaran telah menjadi alasan utama remaja untuk tidak melakukan aktiviti fizikal. Remaja yang leka dengan hiburan di televisyen dan radio juga menjadi penyumbang kepada masalah ini. Hal ini tidak boleh dipandang enteng kerana akan mempengaruhi berat badan seseorang remaja. Remaja kini dikatakan bersikap malas untuk melakukan kerja-kerja rumah dan lebih selesa tidur. Di samping itu, remaja lebih cenderung melakukan aktiviti melepak dan merokok yang boleh mempengaruhi berat badan. Sikap ini tentulah tidak mendatangkan kesedaran kepada para remaja untuk menjaga kesihatan dan penampilan diri.

Masalah ini juga tercetus disebabkan oleh sikap remaja yang tidak berpendirian dan mudah terpengaruh apabila melihat iklan tentang makanan ringan. Remaja yang lemah melawan nafsu tidak akan berjaya menepis godaan daripada iklan tersebut. Tambahan pula, remaja yang tidak mengetahui implikasi pengambilan makanan berlebihan ini pula akan bertindak mengambil makanan yang berlemak serta berkalori tinggi yang akhirnya akan mengundang obesiti. Oleh itu, kerajaan juga diharapkan akan mengadakan kempen yang berterusan tentang kesan dan keburukan obesiti. Komitmen daripada semua pihak sudah pasti dapat merealisasikan cita-cita negara untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Punca Obesiti Remaja' oleh Lim Jing Sheng, *Dewan Siswa*, Oktober 2016)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *dapat merealisasikan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa langkah mengatasi masalah obesiti dalam kalangan remaja.
Nyatakan langkah-langkah tersebut. [3 markah]
- (iii) Penampilan diri adalah sesuatu yang sangat penting kepada seseorang remaja.
Pada pendapat anda, bagaimanakah cara meningkatkan penampilan diri? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Saya perlukan kerjaya yang terjamin dan ekonomi yang stabil untuk merancang kehidupan masa depan saya.

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. “Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun.”

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

“Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana.”

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’
oleh Husna Nazri
dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan pesanan yang diberikan oleh bonda kepada Mel. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu di sekolah? [3 markah]
- iii) Huraikan **satu** perwatakan Mel dalam petikan dan **satu** perwatakan Mel yang lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kata sahibulhikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrunduwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya dan nama rajanya Bubunnya. Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang *tiada takluk kepadanya*, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, "Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejarah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *tiada takluk kepadanya*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan maklumat tentang negeri Siam. [3 markah]
- (iii) Sesetengah pemerintah tidak mahu negaranya tunduk di bawah kekuasaan negara lain.

Pada pendapat anda, mengapakah Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah negeri Siam?

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2 (d) – Petikan Puisi Tradisional

Baca petikan gurindam di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**GURINDAM DUA BELAS
(Fasal yang ketiga)**

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fiil yang tidak senonoh.

Anggota tengah hendaklah ingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh (Penyelenggara)

Puisi Melayu Tradisi, 1996

Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Pekan Ilmu Sdn. Bhd.

dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, berikan **dua** kebaikan jika seseorang itu menjaga mata dan telinga. [2 markah]
- (ii) Akhir-akhir ini, golongan remaja banyak terlibat dalam masalah sosial. Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang remaja dapat mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang negatif? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

(30 markah)

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) biji
- (ii) ikat
- (iii) hiris
- (iv) carik
- (v) papan
- (vi) kawan

[6 markah]

(b) Baca **ayat-ayat perintah** di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan sama ada ayat tersebut ialah **ayat suruhan, ayat silaan, ayat larangan** atau **ayat permintaan**.

- (i) Jangan lalu di kawasan peperiksaan.
- (ii) Jemputlah ke majlis perkahwinan saya.
- (iii) Buang sampah itu ke dalam tong sampah.
- (iv) Jika aku pulang lewat, usahlah tunggu aku.
- (v) Bacalah soalan dengan teliti sebelum menjawabnya.
- (vi) Tolong senyap apabila berada di dalam dewan peperiksaan.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Tiba-tiba syiling dewan orang ramai yang terbakar itu jatuh sebelum tetamu dewan itu menyelamatkan diri.
- (ii) Pada minggu lepas, Penolong Kanan pra universiti sekolah itu telah diraikan dalam majlis pesaraan yang sungguh meriah.
- (ii) Doktor di wad kecemasan telah berusaha untuk mengstabilkan kandungan kolesterol dan gula dalam darah pesakit diabetes yang kronik itu.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata** atau **istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Klinik swasta itu telah mengenakan cas rawatan kesihatan yang tinggi untuk dibayar oleh kami.
- (ii) Kita harus setia kepada arahan kerajaan supaya tidak menggunakan plastik beg ketika membeli-belah di pasar raya.
- (iii) Ilmu tentang kehidupan merupakan pengalaman berguna kepada remaja untuk merempuh kehidupan di masa akan datang.

[6 markah]

(e) Berikan peribahasa berdasarkan situasi dalam ayat di bawah.

- (i) Penduduk kampung Hilir sentiasa menghadapi susah dan senang bersama-sama dalam menjalani kehidupan seharian.
- (ii) Murid yang menduduki peperiksaan itu telah berfikir dengan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah kertas Matematik mereka.
- (iii) Adat persandingan dalam majlis perkahwinan orang Melayu merupakan adat yang masih utuh dan diamalkan secara besar-besaran pada hari ini.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa pada bahagian permulaan novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan nilai keberanian dalam setiap novel tersebut.

Berikan sebab anda berpendapat sedemikian.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT